

Drâma dalam Pendidikan - Pengajaran Penulisan Kreatif

Rahmat Hassan

rahmat_hassan@moe.edu.sg

Irmasusanti Togiman

irmasusanti_togiman@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Teck Whye

Abstrak

Dalam penulisan naratif, para pelajar didapati menghadapi kesukaran menjana idea dan melakarkan jalan cerita yang tepat untuk menjawab kehendak soalan, menarik perhatian pembaca serta relevan dengan konteks yang nyata. Oleh itu, para pendidik Sekolah Menengah Teck Whye telah melakarkan struktur pengajaran penulisan naratif menggunakan teknik-teknik drama untuk membantu para pelajar menghasilkan karangan yang logikal dan menarik. Kajian Pengajaran telah dijalankan bagi para pelajar Menengah 3 Ekspres dan 3 Normal Akademik berdasarkan tema yang berlainan demi menguji keberkesanan teknik pembelajaran ini. Teknik pembelajaran ini turut menyematkan pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran sendiri. Hasil perbincangan, analisis produk pelajar dan maklum balas daripada para peserta, kami dapati selain daripada merencam pembelajaran sekelas, teknik ini membantu pelajar mencetus idea secara kreatif meskipun berlandaskan realiti kehidupan sebenar, serta mampu menguji keberkesanan pelajar berfikir.

Kata Kunci: penulisan naratif, teknik drama, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran sendiri



PENGENALAN

Dalam peperiksaan sekolah mahupun peringkat nasional, soalan karangan naratif merupakan soalan yang popular dipilih kerana dianggap lebih menarik dan lebih mudah untuk dijawab. Berdasarkan pengalaman pelajar, daya imaginasi yang tinggi dan pemerhatian sekeliling melalui tontonan media dan penggunaan media sosial, para pelajar sebenarnya mempunyai wadah pengetahuan yang mendalam dan idea yang pelbagai. Namun, para pelajar menghadapi kesukaran mencungkil idea yang relevan dalam menjawab soalan secara logik meskipun menarik. Kajian ini bertujuan untuk memberi struktur kepada proses pemikiran para pelajar dalam mencari idea penulisan naratif. Pada masa yang sama, kajian ini diharapkan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai sumber-sumber maklumat yang berbeza dan membantu mencungkil kreativiti para pelajar melalui teknik drama demi menjana plot karangan yang menarik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

1. meneroka penggunaan teknik drama dalam pembelajaran demi merangsang pemikiran para pelajar membina idea dalam penulisan;
2. membina pengetahuan pelajar untuk merancang penulisan naratif secara berstruktur dengan mengupas kehendak soalan terlebih dahulu; dan
3. mendedahkan para pelajar kepada pelbagai sumber maklumat yang berbeza serta meneroka teknik-teknik drama yang sesuai demi mencetus idea yang spontan, kreatif dan pelbagai, berdasarkan kata kunci yang dikenal pasti dalam soalan.

PERNYATAAN MASALAH

Penulisan karangan naratif memerlukan pelajar mengupas soalan dengan teliti demi memahami kehendak soalan dan bahagian-bahagian soalan yang perlu terjawab. Soalan naratif bukan setakat memerlukan pelajar bercerita tetapi memerlukan pelajar memahami definisi kata kunci yang terdapat dalam soalan,



merancang plot yang menarik perhatian pembaca, serta memastikan jalan cerita yang diolah berpaksikan realiti yang nyata. Dalam hal ini, para pelajar didapati sukar menjawab soalan naratif dengan cemerlang kerana kurang berkemampuan mengupas soalan dengan tepat dan menyuntik idea yang kreatif. Para pelajar perlu dilatih menganalisis soalan dan kata kunci dalam soalan terlebih dahulu sebelum memulakan proses penjaanaan idea. Selain itu, para pelajar juga memerlukan struktur penjaanaan idea yang sistematik agar dapat mengeluarkan idea yang pelbagai.

KAJIAN LEPAS

Dalam buku Kaedah Berfikir Secara Jelas atau *Making Thinking Visible*, beberapa rutin berfikir ada disyorkan untuk guru menggunakan dalam membentuk pemikiran pelajar. Kumpulan kami telah memilih rutin *Connect-Extend-Challenge* untuk digunakan dalam sesi *Theater-in-Education* (TIE) atau Drama dalam Pendidikan (DDP) kerana tahap-tahap aliran kegiatan yang disyorkan mirip kaedah yang digunakan di sekolah.

Dengan menggunakan DDP, pelajar dapat berinteraksi ketika melakukan aktiviti mendengar, mencerakin, menginterpretasi, dan mencerna idea. Ini membuat kaedah DDP begitu sesuai untuk tugas yang kami diwujudkan untuk pelajar-pelajar.

Menurut Colin dan George (2007) bahasa harus digunakan bukan sahaja dalam penulisan tetapi juga dalam situasi perbualan, perbincangan, perbalahan dan lain-lain yang menjadikan bahasa itu lebih sempurna. Bahasa akan berubah-ubah mengikut situasi dan menjadi lebih bermanfaat jika digunakan oleh lebih daripada dua orang. Pada saat itu interaksi sesama pengguna bahasa akan lebih hidup kerana masing-masing mencerakin, menyatupadukan dapatan ilmu, dan mengolah bahasa atau soal jawab dalam perbualan, perbincangan atau perbalahan itu.

In authentic tasks, students undertake more practical, realistic, and challenging than traditional paper-and-pencil tests.

(Pryor dan Torrance, 1996).



Students are engaged in more meaningful, context-bound activities, focusing their energies on “challenging, performance-oriented tasks that require analysis, integration of knowledge, and invention”

(Darling-Hammond, Ancess, dan Falk, 1995)

Penggunaan teknik drama membolehkan guru mencungkil idea daripada pelajar dalam sesebuah kumpulan. Pelajar akan mendengar, melihat dan mencerna apa yang mereka peroleh daripada perbincangan kumpulan. Dari pencernaan itu akan tercetus idea, ujaran serta aksi. Penghasilan idea, ujaran dan aksi akan berubah-ubah mengikut maklum balas yang mereka terima dari anggota kumpulan itu. Menurut Norman Fairclough (1989):

In face to face interaction, participants alternate between being the producer and interpreters of text as they adapt the language they use, and keep adapting throughout an encounter in the light of various sorts of feedback they get from co-participants.

Dengan berinteraksi dalam kumpulan, pelajar dapat menambahkan ilmu masing-masing kerana setiap pelajar akan memberikan idea, ujaran dan aksi yang berlainan. Masing-masing akan bersilih-ganti sebagai penghasil dan penterjemah maklumat yang mereka terima.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian eksperimental yang menjadi sebahagian daripada penyelidikan Kajian Pengajaran untuk menguji keberkesanan teknik drama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini telah dijalankan dalam tiga kitaran pengajaran demi memberi ruang untuk memperbaiki kaedah pengajaran setelah setiap putaran.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 42 pelajar daripada Menengah 3NA dan 40 pelajar daripada Menengah 3 Ekspres. Seramai 7 orang guru telah terlibat menjalankan usaha ini dan membimbing kelas dalam pembelajaran melalui drama. Secara umum, tahap kemahiran pelajar adalah sederhana. Pelajar telah dilengkapi dengan pengetahuan asas dan kemahiran asas dalam



penulisan naratif. Penelitian awal guru-guru mendapati pelajar kurang mampu menginterpretasi soalan dengan plot yang kreatif atau berdasarkan realiti yang nyata. Pelajar juga didapati lemah dalam mengupas definisi kata kunci dalam soalan lantas kurang berkebolehan melakarkan plot yang menepati soalan. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar daripada satu Menengah 3NA dengan satu tema sebagai kayu ukur sebelum menjalankan penyelidikan terhadap kelas yang lain dengan tema yang lain.

Instrumen Kajian

Bagi setiap kitaran pengajaran, guru memulakan kelas dengan stimulus, iaitu mengenalkan tema melalui bahan-bahan seperti teks, video, klip berita dan sesi sumbang saran. Guru meneruskan pengajaran dengan mengenalkan teknik drama kepada para pelajar diikuti dengan sesi menghangatkan badan dan membina identiti kumpulan untuk merangsang pergerakan dan mendorong komunikasi dan keyakinan diri. Seterusnya, teknik-teknik drama seperti pantomim dan kerusi panas digunakan untuk merangsang pelajar berfikir secara spontan, menyelami watak dan membina plot yang menarik.

Prosedur Kajian

Kitaran pengajaran yang pertama dijalankan pada bulan Januari 2015 dan melibatkan seramai 42 pelajar aliran 3 Normal Akademik. Tema yang diteroka ialah 'Buli' dan pada akhir pengajaran, para pelajar menghasilkan penulisan dialog untuk merakam plot yang berbeza-beza. Kitaran kedua dijalankan pada bulan Julai 2015 dan melibatkan 40 pelajar Menengah 3 Ekspres dengan tema 'Pecah Amanah.' Perbezaan kaedah pengajaran melibatkan penggunaan klip berita dan lakonan berita yang perlu dilakonan pelajar sebelum menghasilkan penulisan naratif. Kitaran ketiga pula dijalankan pada bulan November 2015. Kitaran ini melibatkan pelajar daripada kitaran asal iaitu pelajar 3 Normal Akademik dengan tema 'Pecah Amanah.' Perbezaan dalam kitaran ketiga merupakan sesi soal jawab dengan watak yang dilakonan guru demi menyelami proses pemikiran watak sebelum pelajar menghasilkan penulisan naratif.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru dan kaji selidik yang dijalankan, pengajaran drama membolehkan para pelajar berinteraksi serta bekerjasama dalam kumpulan. 100 peratus pelajar menyatakan setuju bahawa mereka dapat bekerjasama dan berinteraksi dalam kumpulan. Hal ini terbukti juga bahawa semua pelajar turut terlibat secara aktif dalam menghasilkan sebuah plot dan membuat persembahan drama. Melalui persembahan drama, pelajar menunjukkan keyakinan ketika menjalankan aktiviti yang menggunakan teknik drama. Pelajar dapat memainkan peranan dalam lakonan drama sekali gus dapat keluar daripada zon selesa. Pelajar dapat juga mempraktikkan corak pemikiran yang jelas pada setiap jarak waktu apabila mereka diberikan masa untuk berfikir. Sebagai kesimpulannya, aktiviti drama mampu menggalakkan aktiviti yang aktif dan juga pembelajaran secara kolaboratif dan kooperatif yang berpusat kepada pelajar, bukan sekadar pengajaran yang menggunakan pena dan kertas.

Jalan cerita atau plot drama yang dihasilkan oleh pelajar pula telah menunjukkan kepelbagaian serta pemahaman akan tema 'Pecah Amanah' yang telah ditetapkan. Pelajar juga dapat menghubungkan situasi di luar bilik darjah serta mengaitkan perkara-perkara pecah amanah yang terjadi dalam kehidupan nyata dalam bentuk lakonan mahupun penulisan. Pelajar telah menunjukkan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif dalam menghasilkan persembahan drama dan penulisan terbukti kepelbagaian jalan cerita yang menarik yang mereka hasilkan.

Pengajaran menggunakan teknik drama disyorkan kepada guru-guru kerana pelbagai faedah dapat diraih. Pengajaran dengan menggunakan teknik drama merangkumi pengajaran berfikir kritis, berkomunikasi, bertutur dan yang lebih utama membina sahsiah dan peribadi yang berkeyakinan.

KESIMPULAN

Kajian ini meyakinkan pengkaji bahawa penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dapat membina kemampuan pelajar menginterpretasi dan menjawab soalan karangan naratif dengan



berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah ini bukan sahaja mampu mempelbagaikan idea yang dihasilkan pelajar, malah kaedah ini juga melatih unsur-unsur fizikal, sosial, emosi dan kognitif pelajar. Selain daripada merencanakan pembelajaran kelas, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik-teknik drama dalam pengajaran turut merangsang pelajar bekerjasama secara kolaboratif. Selain itu, kaedah ini dapat melatih kemahiran berfikir dan belajar dengan sendiri melalui penyoalan mengenai watak dan plot dalam penceritaan.

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian:

1. Fadelinah Yusof
2. Ifa Hanifah
3. Nurul Izzah Mohamad

RUJUKAN

Colin J. Marsh and George Willis, (2007). *Curriculum: Alternative Approaches, Ongoing Issue (Fourth Edition)*, New Jersey; Pearson.

Norman Fairclough, (1989). *Language and Power*. London, Longman.

Ron Ritchhart, Mark Church, Karin Morrison, (2011). *Making Thinking Visible: How to Promote Engagement, Understanding and Independence for All Learners*, San Francisco; Josey-Bass.

